

**REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN
MULTIMEDIA INTERAKTIF BAHASA MELAYU
(MYSCORE PEMULIHAN) DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA
DAN MINAT MURID PEMULIHAN KHAS**

REZA RASFAN BIN HAMZAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN
MULTIMEDIA INTERAKTIF BAHASA MELAYU
(MYSCORE PEMULIHAN) DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA
DAN MINAT MURID PEMULIHAN KHAS**

oleh

REZA RASFAN BIN HAMZAH

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas limpahan rahmatnya telah mengizinkan saya menjalani pengajian di peringkat kedoktoran ini. Dengan izinNya jua, kajian ini telah berjaya dijalankan dan seterusnya dapat menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini, jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Sains Malaysia kerana telah memberi peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Ucapan terima kasih juga yang tak terhingga kepada penyelia iaitu Ts. Dr. Rozniza binti Zaharudin (Penyelia Utama) dan Profesor Madya Dr. Aznan bin Che Ahmad (Penyelia Bersama) yang telah memberi bimbingan serta motivasi sepanjang tempoh pengajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ketua Pengarah EPRD dan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberikan kebenaran untuk saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada pihak sekolah, guru besar, guru-guru dan murid-murid yang terlibat di atas kerjasama yang amat baik diberikan sepanjang saya berada di sekolah.

Tidak lupa kepada ahli keluarga yang lain terutamanya bonda Pn. Hj. Rahmah binti Hj. Wahid dan ayahanda Allahyarham Hj. Hamzah bin Kechut dan adik-beradik yang lain yang sangat memahami tanggungjawab sebagai pelajar yang jauh di mata. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan sekerja yang telah memberikan semangat dan membantu secara langsung dan tidak langsung di dalam menyiapkan kajian. Tanpa sokongan daripada kalian semua kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan.

JADUAL KANDUNGAN

| | |
|------------------------------------|--------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SIMBOL | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| ABSTRAK | xvii |
| ABSTRACT | xviii |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 Permasalahan Kajian..... | 16 |
| 1.4 Objektif Kajian..... | 19 |
| 1.5 Soalan Kajian | 20 |
| 1.6 Hipotesis Kajian..... | 21 |
| 1.7 Kepentingan Kajian..... | 21 |
| 1.8 Batasan Kajian | 24 |
| 1.9 Definisi Operasional | 26 |
| 1.9.1 MyScore Pemulihan..... | 27 |
| 1.9.2 Kemahiran Membaca | 28 |
| 1.9.3 Murid Pemulihan Khas | 29 |
| 1.9.4 Program Pemulihan Khas | 30 |
| 1.9.5 Minat | 31 |
| 1.9.6 Penerimaan..... | 32 |

| | | |
|--------------------------------------|--|-----------|
| 1.10 | Rumusan | 33 |
| BAB 2 TINJAUAN LITERATUR..... | | 34 |
| 2.1 | Pengenalan | 34 |
| 2.2 | Perkembangan Program Pemulihan Khas di Malaysia..... | 34 |
| 2.3 | Pengenalan Kepada Murid-Murid Pemulihan Khas | 40 |
| 2.4 | Kajian Berkaitan Murid-Murid Pemulihan Khas Dalam Malaysia dan Luar Negara..... | 45 |
| 2.4.1 | Minat Murid-Murid Pemulihan Khas | 45 |
| 2.4.2 | Kemahiran Membaca Murid-Murid Pemulihan Khas | 49 |
| 2.4.2(a) | Kemahiran Membaca KVKV | 49 |
| 2.4.2(b) | Kemahiran Membaca KVKVKV | 52 |
| 2.4.2(c) | Kemahiran Membaca KVKKV | 54 |
| 2.4.3 | Penggunaan Multimedia Interaktif Dalam Pembelajaran Murid-Murid Pemulihan Khas | 57 |
| 2.4.3(a) | Kemahiran Membaca KVKV | 57 |
| 2.4.3(b) | Kemahiran Membaca KVKVKV | 60 |
| 2.4.3(c) | Kemahiran Membaca KVKKV | 62 |
| 2.5 | Teori Pembelajaran | 65 |
| 2.5.1 | Teori Kognitif | 65 |
| 2.5.2 | Teori Konstruktivisme | 68 |
| 2.5.3 | Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia | 71 |
| 2.6 | Kerangka Teori Kajian..... | 73 |
| 2.7 | Kerangka Konsep Kajian | 75 |
| 2.8 | Rumusan | 77 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | | 78 |
| 3.1 | Pengenalan | 78 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 78 |
| 3.2.1 | Reka Bentuk Dan Pembangunan MyScore Pemulihan..... | 81 |

| | | |
|--------------|--|------------|
| 3.2.1(a) | Analisis..... | 85 |
| 3.2.1(b) | Reka Bentuk..... | 87 |
| 3.2.1(c) | Pembangunan..... | 88 |
| 3.2.1(d) | Pelaksanaan..... | 89 |
| 3.2.1(e) | Penilaian..... | 91 |
| 3.3 | Pemboleh ubah Kajian..... | 93 |
| 3.3.1 | Pemboleh ubah Tidak Bersandar..... | 94 |
| 3.3.2 | Pemboleh ubah Bersandar..... | 95 |
| 3.4 | Populasi Kajian..... | 96 |
| 3.5 | Persampelan Kajian..... | 99 |
| 3.6 | Instrumen Kajian..... | 103 |
| 3.6.1 | MyScore Pemulihan..... | 104 |
| 3.6.1(a) | Ujian Pra..... | 105 |
| 3.6.1(b) | Rawatan..... | 106 |
| 3.6.1(c) | Ujian Pos..... | 107 |
| 3.6.2 | Soal selidik..... | 108 |
| 3.7 | Kesahan Instrumen Kajian..... | 116 |
| 3.8 | Kebolehpercayaan Instrumen..... | 119 |
| 3.9 | Kajian Rintis..... | 121 |
| 3.10 | Prosedur Kajian..... | 125 |
| 3.11 | Kaedah Analisis Data..... | 130 |
| 3.11.1 | Statistik Deskriptif..... | 130 |
| 3.11.2 | Statistik Inferensi..... | 131 |
| 3.12 | Rumusan..... | 131 |
| BAB 4 | REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MYSCORE | |
| | PEMULIHAN..... | 133 |
| 4.1 | Pengenalan..... | 133 |
| 4.2 | Model ADDIE – MyScore Pemulihan..... | 133 |

| | | |
|--|---|------------|
| 4.2.1 | Analisis | 134 |
| 4.2.1(a) | Ciri-ciri Murid Dan Pengenal pastiannya | 135 |
| 4.2.1(b) | Skop Kandungan Dan Penentuannya | 136 |
| 4.2.1(c) | Pelan Perancangan Dan Penghasilannya..... | 140 |
| 4.2.1(d) | Kekangan Dan Penetapannya..... | 141 |
| 4.2.1(d)(i) | Perkakasan..... | 141 |
| 4.2.1(d)(ii) | Perisian | 142 |
| 4.2.1(d)(iii) | Masa..... | 143 |
| 4.2.1(e) | Penentuan Sumber..... | 143 |
| 4.2.2 | Reka bentuk | 144 |
| 4.2.2(a) | Pembangunan Idea Awal..... | 144 |
| 4.2.2(b) | Deskripsi Awal Dan Penghasilannya | 145 |
| 4.2.2(c) | Papan Cerita, Carta Alir Dan Penghasilannya | 148 |
| 4.2.2(d) | Penganalisan Aktiviti Dan Konsep..... | 152 |
| 4.2.3 | Pembangunan..... | 152 |
| 4.2.3(a) | Penyediaan Teks Dan Kandungannya..... | 152 |
| 4.2.3(b) | Penyediaan Ilustrasi Dan Grafik | 153 |
| 4.2.3(c) | Pembangunan Rakaman Audio | 153 |
| 4.2.3(d) | Elemen Multimedia Dan Penggabungannya..... | 153 |
| 4.2.4 | Pelaksanaan..... | 156 |
| 4.2.5 | Penilaian..... | 156 |
| 4.3 | Rumusan | 157 |
| BAB 5 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | | 158 |
| 5.1 | Pengenalan | 158 |
| 5.2 | Profil Responden Kajian | 158 |
| 5.2.1 | Demografi Murid Pemulihan Khas | 159 |
| 5.2.2 | Demografi Guru Pemulihan Khas..... | 160 |

| | | |
|-------|---|------------|
| 5.3 | Objektif 1: Keperluan Membangunkan MyScore Pemulihan..... | 161 |
| 5.3.1 | Keperluan Kepada Murid Pemulihan Khas | 162 |
| 5.3.2 | Keperluan Sebagai Bahan Pengajaran Pemulihan Khas | 165 |
| 5.3.3 | Kekerapan Penggunaan Multimedia Interaktif | 167 |
| 5.4 | Objektif 3: Keberkesanan MyScore Pemulihan Terhadap Kemahiran Membaca KVKV, KVKVKV dan KVKKV Murid Pemulihan Khas | 170 |
| 5.4.1 | Peningkatan Kemahiran Membaca KVKV Murid Pemulihan Khas Antara Ujian Pos Dan Ujian Pra..... | 170 |
| 5.4.2 | Peningkatan Kemahiran Membaca KVKVKV Murid Pemulihan Khas Antara Ujian Pos Dan Ujian Pra..... | 172 |
| 5.4.3 | Peningkatan Kemahiran Membaca KVKKV Murid Pemulihan Khas Antara Ujian Pos Dan Ujian Pra..... | 173 |
| 5.5 | Objektif 4: Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan MyScore Pemulihan | 175 |
| 5.5.1 | Pembelajaran..... | 175 |
| 5.5.2 | Pengajaran..... | 178 |
| 5.5.3 | Multimedia | 180 |
| 5.6 | Objektif 5: Penerimaan MyScore Pemulihan dalam Kalangan Guru-Guru Pemulihan Khas | 183 |
| 5.6.1 | Interaktif..... | 183 |
| 5.6.2 | Strategi Pembelajaran | 186 |
| 5.6.3 | Kesan Penggunaan Multimedia | 189 |
| 5.7 | Ringkasan Dapatan Ujian Hipotesis | 192 |
| 5.8 | Rumusan | 192 |
| | BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN..... | 194 |
| 6.1 | Pengenalan | 194 |
| 6.2 | Ringkasan Kajian | 194 |
| 6.3 | Perbincangan Dapatan Kajian..... | 197 |
| 6.3.1 | Keperluan Untuk Membangunkan MyScore Pemulihan | 199 |
| 6.3.2 | Reka Bentuk Dan Pembangunan MyScore Pemulihan..... | 201 |

| | | |
|-------|---|------------|
| 6.3.3 | Keberkesanan Myscore Pemulihan Terhadap Kemahiran Membaca KVKV, KVKVKV dan KVKKV Murid Pemulihan Khas | 204 |
| 6.3.4 | Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap MyScore Pemulihan | 208 |
| 6.3.5 | Penerimaan MyScore Pemulihan Dalam Kalangan Guru-Guru Pemulihan khas | 211 |
| 6.4 | Implikasi Kajian..... | 215 |
| 6.4.1 | Implikasi Kepada Teori..... | 215 |
| 6.4.2 | Implikasi Kepada Praktis | 217 |
| 6.4.3 | Implikasi Kepada Metodologi..... | 222 |
| 6.5 | Cadangan Untuk Kajian Lanjutan..... | 224 |
| 6.6 | Rumusan | 227 |
| | SENARAI RUJUKAN | 228 |

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|-------------|--|
| Jadual 3.1 | Peringkat-Peringkat dalam Model ADDIE-MyScore Pemulihan 92 |
| Jadual 3.2 | Bilangan Sekolah, Guru Dan Murid Yang Mempunyai Program Pemulihan Khas Di Negeri Kedah Mengikut Daerah (Sumber: PPD Kulim Bandar Baharu, 2020)..... 98 |
| Jadual 3.3 | Bilangan Sekolah, Guru Pemulihan Khas Dan Murid Pemulihan Khas Di Daerah Kulim Bandar Baharu (Sumber: PPD Kulim Bandar Baharu, 2020) 98 |
| Jadual 3.4 | Senarai Sekolah Kebangsaan serta Bilangan Murid dan Guru yang Terlibat..... 101 |
| Jadual 3.5 | Profil Murid 102 |
| Jadual 3.6 | Profil Guru 102 |
| Jadual 3.7 | Skala Likert..... 109 |
| Jadual 3.8 | Item Keperluan Membangunkan MyScore Pemulihan 109 |
| Jadual 3.9 | Keperluan Membangunkan MyScore Pemulihan..... 110 |
| Jadual 3.10 | Item Minat Murid Pemulihan Khas Menggunakan MyScore Pemulihan 112 |
| Jadual 3.11 | Minat Murid Pemulihan Khas dalam Menggunakan MyScore Pemulihan 112 |
| Jadual 3.12 | Item Penerimaan MyScore Pemulihan di Kalangan Guru-Guru Pemulihan Khas 114 |
| Jadual 3.13 | Penerimaan MyScore Pemulihan di Kalangan Guru-Guru Pemulihan Khas..... 114 |
| Jadual 3.14 | Jumlah Peratus Kesahan Kandungan MyScore Pemulihan 119 |
| Jadual 3.15 | Skor Alpha Cronbach Menurut Bond dan Fox (2015) 120 |

| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 3.16 | Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis dan Kajian Sebenar | 120 |
| Jadual 3.17 | Jadual Berkala Tinjauan Ke Sekolah-Sekolah yang Terlibat..... | 129 |
| Jadual 4.1 | Murid yang Menggunakan MyScore Pemulihan dan Ciri-Cirinya..... | 135 |
| Jadual 4.2 | Maklumat Ahli Pakar..... | 137 |
| Jadual 4.3 | Kandungan MyScore Pemulihan..... | 139 |
| Jadual 4.4 | Spesifikasi Komputer | 142 |
| Jadual 4.5 | Ringkasan MyScore Pemulihan..... | 150 |
| Jadual 4.6 | Simbol MyScore Pemulihan..... | 151 |
| Jadual 5.1 | Maklumat Demografi Murid Pemulihan Khas | 159 |
| Jadual 5.2 | Maklumat Demografi Guru Pemulihan Khas | 160 |
| Jadual 5.3 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Keperluan kepada Murid Pemulihan Khas | 162 |
| Jadual 5.4 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Keperluan Sebagai Bahan Pengajaran Pemulihan Khas..... | 165 |
| Jadual 5.5 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Keperluan Penggunaan Multimedia Interaktif..... | 168 |
| Jadual 5.6 | Statistik Ujian-T Sampel Berpasangan bagi Ujian Pra dan Ujian Pos Perkataan KVKV | 171 |
| Jadual 5.7 | Statistik Ujian-T Sampel Berpasangan bagi Ujian Pra dan Ujian Pos Perkataan KVKVKV..... | 172 |
| Jadual 5.8 | Statistik Ujian-T Sampel Berpasangan bagi Ujian Pra dan Ujian Pos Perkataan KVKKKV..... | 174 |
| Jadual 5.9 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Pembelajaran | 176 |

| | | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 5.10 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Pengajaran | 178 |
| Jadual 5.11 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Multimedia..... | 181 |
| Jadual 5.12 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Interaktif | 184 |
| Jadual 5.13 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Strategi Pembelajaran | 186 |
| Jadual 5.14 | Peratus, Min dan Sisihan Piawai Setiap Item bagi Aspek Kesan Penggunaan Multimedia | 189 |
| Jadual 5.15 | Ringkasan Dapatan Ujian Hipotesis | 192 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|-----------|---|
| Rajah 2.1 | Model Konstruktivisme 69 |
| Rajah 2.2 | Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Sumber: Clark & Mayer, 2016) 72 |
| Rajah 2.3 | Kerangka Teori Kajian 74 |
| Rajah 2.4 | Kerangka Konseptual Kajian..... 76 |
| Rajah 3.1 | Representasi Reka Bentuk Kuasi Eksperimen Pra dan Pasca Ujian Satu Kumpulan 80 |
| Rajah 3.2 | Reka Bentuk Pembangunan Model ADDIE - MyScore Pemulihan 84 |
| Rajah 3.3 | Hubungan Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dengan Pemboleh Ubah Bersandar..... 94 |
| Rajah 3.4 | Carta Aliran Prosedur Kajian 126 |
| Rajah 4.1 | Carta Gantt Myscore Pemulihan..... 141 |
| Rajah 4.2 | Reka Bentuk Myscore Pemulihan 146 |
| Rajah 4.3 | Carta Aliran Myscore Pemulihan 149 |
| Rajah 4.4 | Menu Utama Myscore Pemulihan 151 |
| Rajah 4.5 | Contoh Skrin Pengajaran Myscore Pemulihan 154 |
| Rajah 4.6 | Contoh Skrin Latihan Myscore Pemulihan 155 |
| Rajah 4.7 | Contoh Skrin Ujian Myscore Pemulihan..... 155 |

SENARAI SIMBOL

| | |
|----------------|---------------------|
| O | Ujian |
| X | Kumpulan Eksperimen |
| O ₁ | Ujian Pra |
| O ₂ | Ujian Pos |
| & | Dan |
| p | Signifikan |
| N | Populasi Kajian |
| n | Jumlah Sampel |
| d | Dohen's d |
| t | Nilai Taburan |
| df | Darjah Kebebasan |
| % | Peratus |
| SP | Sisihan Piawai |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|---|
| 3M | Membaca, Menulis dan Mengira |
| 4M | Membaca, Menulis, Mengira, dan Memikir |
| ADDIE | <i>Analyze, Design, Develop, Implement, and Evaluate</i> |
| ASSURE | <i>Analyze learners, State objectives, Select media and materials, Utilize materials, Require learner performance, and Evaluate</i> |
| BBM | Bahan Bantu Mengajar |
| EFL | <i>English as a foreign language</i> |
| ELMS | <i>Edmodo Learning Management System</i> |
| GIF | <i>Graphics Interchange Format</i> |
| JPEG | <i>Joint Picture Expert Group</i> |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KIA2M | Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| KVKKV | Konsonan Vokal Konsonan Konsonan Vokal |
| KVKV | Konsonan Vokal Konsonan Vokal |
| KVKVKV | Konsonan Vokal Konsonan Vokal Konsonan Vokal |
| LiLIN | Aplikasi Literasi LINUS |
| LINUS | Program Saringan Literasi dan Numerasi |

| | |
|-------------------|---|
| MP4 | <i>Moving Picture Expert Group-4</i> |
| MyScore Pemulihan | Multimedia Interaktif Bahasa Melayu |
| NKRA | Bidang Keberhasilan Utama Negara |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PROBIM | Program Bimbingan Membaca dan Menulis |
| PROTIM | Program Membaca, Menulis dan Mengira |
| SPSS | <i>Statistical Package For Social Science</i> |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| PDP | Pengajaran Dan Pembelajaran |

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|------------|--|
| Lampiran A | Analisis Penguasaan Ujian Pra |
| Lampiran B | Analisis Penguasaan Ujian Pos |
| Lampiran C | Borang Soal Selidik Keperluan |
| Lampiran D | Borang Soal Selidik Minat |
| Lampiran E | Borang Soal Selidik Penerimaan |
| Lampiran F | Manual MyScore Pemulihan |
| Lampiran G | Surat Pengesahan Pelajar |
| Lampiran H | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - KPM |
| Lampiran I | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - JPN |

**REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MULTIMEDIA INTERAKTIF
BAHASA MELAYU (MYSCORE PEMULIHAN) DALAM MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MEMBACA DAN MINAT MURID PEMULIHAN KHAS**

ABSTRAK

Kewujudan teknologi seperti multimedia interaktif dalam pengajaran telah memberikan penguasaan sesuatu pembelajaran itu lebih cepat dan berkesan. Kajian kuantitatif yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan MyScore Pemulihan terhadap murid pemulihan khas dalam meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran membaca kvkv, kvkvkv dan kvkkv. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji minat murid pemulihan khas dalam penggunaan MyScore Pemulihan dalam pembelajaran. Reka bentuk kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Sampel kajian melibatkan 30 orang guru pemulihan khas dan 30 orang murid pemulihan khas di 15 buah sekolah rendah sekitar Kulim Kedah Darul Aman. Kajian ini mengadaptasi Teori Kognitif, Teori Konstruktivisme dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer sebagai kerangka teori kajian. Model ADDIE dijadikan panduan dalam membangunkan MyScore Pemulihan dengan lima peringkat iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan responden antara ujian pra dan ujian pos iaitu sebanyak 81% (kvkv), 85% (kvkvkv) dan 86% (kvkkv) setelah menggunakan MyScore Pemulihan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa MyScore Pemulihan adalah bahan bantu mengajar yang efektif untuk digunakan dalam pembelajaran murid-murid pemulihan khas bagi menguasai kemahiran membaca.

**DESIGN AND DEVELOPMENT OF INTERACTIVE MALAY
MULTIMEDIA (MYSCORE PEMULIHAN) IN IMPROVING THE
READING SKILLS AND INTEREST OF REMEDIAL STUDENTS**

ABSTRACT

The existence of technology such as interactive multimedia in teaching has given the mastery of learning something faster and more effectively. This quantitative study aims to identify the effect of using MyScore Pemulihan on remedial students in improving their proficiency in kvkv, kvkvkv and kvkkv reading skills. In addition, this study also aims to examine the interest of remedial students in the use of MyScore Pemulihan in learning. The design of this study uses a quasi-experimental design. The study sample involved 30 remedial teachers and 30 remedial students in 15 primary schools around Kulim Kedah Darul Aman. This study adapts Mayer's Cognitive Theory, Constructivism Theory and Cognitive Theory of Multimedia Learning as the theoretical framework of the study. The ADDIE model was used as a guide in developing MyScore Pemulihan through five stages namely analysis, design, development, implementation and evaluation. The results of the study show that there is an increase in the respondents' mastery between the pre-test and the post-test which is 81% (kvkv), 85% (kvkvkv) and 86% (kvkkv) after using MyScore Pemulihan in learning Malay. In conclusion, this study shows that MyScore Pemulihan is an effective teaching aid to be used in the learning of special remedial students to master reading skills.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian mengenai Program Pemulihan Khas dan kaedah pengajaran yang digunakan di Malaysia. Selain itu, bab ini juga adalah berkaitan dengan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian sesebuah kajian itu termasuklah juga definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program Pemulihan Khas merujuk kepada sebuah inisiatif yang dibangunkan bagi memberikan bantuan kepada murid-murid yang mempunyai kesukaran untuk mempelajari Bahasa Melayu dan juga Matematik tahap sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) menyatakan bahawa Program Pemulihan Khas adalah khas bagi murid tahap 1 dan tahap 2 yang menghadapi kesukaran untuk Membaca, Menulis dan Mengira (3M). Pemilihan dalam kalangan murid-murid untuk menyertai program ini adalah berdasarkan kepada maklumat dan prestasi akademik mereka. Melihat kepada betapa pentingnya program ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkukuhkan Program Pemulihan Khas ini dengan menambah baik tahap pelaksanaan kelas pemulihan khas dengan memastikan bilangan Guru Pemulihan Khas terlatih yang bersesuaian dengan keperluan sekolah-sekolah yang terlibat termasuk di sekolah yang mempunyai bilangan murid yang tidak ramai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), Program Pemulihan Khas ini memiliki konsep penyediaan pendidikan bersesuaian kepada murid-murid yang mempunyai masalah dalam pelajaran dan tidak memiliki prestasi pelajaran sebaik rakan-rakan sebayanya yang tidak mempunyai masalah. Sistem kenaikan kelas secara automatik dikatakan menjadi penyebab dan punca masalah ini berlaku (Abdul Rasid, 2016). Kekurangan yang ada pada sistem ini adalah, murid-murid yang masih lemah dalam penguasaan kemahiran membaca tetap ada peluang untuk ‘memanjat’ ke darjah seterusnya pada tahun berikutnya. Apabila murid-murid ini naik ke darjah seterusnya, mereka masih belum berkemampuan untuk menerima sukatan pembelajaran yang baru kerana kemahiran asas yang sepatutnya mereka kuasai pun mereka masih belum lagi menguasainya. Ini memberikan tekanan kepada mereka dan mengakibatkan mereka terus ketinggalan dalam pelajaran. Situasi ini menjadi lebih buruk lagi apabila guru yang mengajar dalam darjah seterusnya itu juga mengabaikan penguasaan kemahiran asas di kalangan murid-muridnya, kerana menyangka mereka sudah pun menguasainya pada darjah yang lepas (Abdul Rasid, 2016).

Program Pemulihan Khas juga bertujuan untuk membangunkan keyakinan diri dan rasa percaya diri dalam diri murid-murid yang menyertainya, terutamanya dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran di dalam kelas (Mottan & Shanmugam, 2018). Motivasi yang berterusan perlulah diberikan kepada murid-murid ini bagi memastikan mereka sentiasa berasa yakin dan positif, selain dapat meningkatkan lagi bakat terpendam yang ada dalam diri mereka (Noor Aini & Zamri, 2015). Adalah diharapkan, dengan peningkatan rasa yakin dan positif dalam diri mereka ini akan secara tidak langsungnya memudahkan lagi usaha-usaha untuk menguatkan penguasaan kemahiran asas yang digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan

Malaysia. Penguasaan kemahiran-kemahiran asas ini diyakini dapat menggalakkan perkembangan minat dan potensi mereka untuk menjadi lebih baik dan maju. Selain itu, Program Pemulihan Khas ini juga dapat mengurangkan masalah pembelajaran yang sering dihadapi oleh murid-murid yang bermasalah kerana mereka mendapat bantuan langsung daripada guru-guru yang terlatih, komuniti setempat, ibu bapa dan pihak-pihak berkaitan (Nurul Haniza et al., 2018). Kerjasama jitu di antara pihak-pihak yang berkaitan berserta dengan komitmen yang berterusan daripada mereka diyakini dapat memberikan faedah yang hebat kepada murid-murid pemulihan khas ini dan membuahkan hasil yang memberangsangkan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi murid-murid ini.

Program Pemulihan Khas ini juga dapat memberikan hak yang sama rata kepada murid-murid pemulihan khas dengan rakan-rakan sebayanya yang lain melalui penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti di luar dan di dalam kelas (Nurul Hanizah et al., 2017). Melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti di luar dan dalam kelas ini, murid-murid pemulihan khas akan berpeluang untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan rakan-rakan sebaya mereka yang tidak menghadapi masalah dalam pelajaran. Ini akan membantu murid-murid ini untuk menambahbaik pengetahuan dan secara langsungnya meningkatkan prestasi mereka sendiri. Selain ia dapat mengelakkan murid-murid ini tercicir dalam pelajaran, ia juga akan mengurangkan kebimbangan dan kecurigaan pihak-pihak tertentu tentang keberkesanan Program Pemulihan Khas ini (Abdull Shukor, 2016).

Silibus pengajaran dan pembelajaran Program Pemulihan Khas dibentuk berdasarkan kepada penilaian dan analisis tentang kesulitan dan kelemahan yang dihadapi oleh murid-murid yang bermasalah tersebut untuk mencapai prestasi yang diinginkan (Nurul Haniza et al., 2017). Sebelum murid-murid yang bermasalah ini

diterima masuk dalam Program Pemulihan Khas, mereka perlu melalui beberapa prosedur termasuklah membuat pengenalpastian, membuat ujian dan analisis, dan kemudiannya membangunkan silibus yang bersesuaian dengan hasil ujian dan analisis yang dijalankan ke atas murid-murid tersebut (Yuzaila et al., 2018). Indikator yang menunjukkan murid pemulihan khas menguasai atau tidak menguasai kemahiran membaca adalah dapatan ujian yang telah dilaksanakan semasa pengenalpastian mereka (Ong & Faridah, 2022). Pengajaran dan pembelajaran secara satu dengan satu di antara murid dengan guru dijalankan dalam Program Pemulihan Khas ini. Malah ia dijalankan dengan silibus yang fleksibel bagi memudahkan mereka menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira berpandukan pada tahap pemahaman mereka (Fong, 2018). Guru-guru bagi program ini juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran mengajar yang bersesuaian, bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang efektif kepada murid-murid pemulihan khas ini dapat dilaksanakan di dalam kelas.

Kaedah yang digunakan dalam kelas pemulihan khas biasanya berlainan dengan kelas yang bukan pemulihan khas. Sistem pengunduran atau penarikan digunakan dalam kelas pemulihan khas (Yin et al., 2016). Sistem ini dilaksanakan dengan mengasingkan murid-murid bermasalah dalam kelas biasa ketika sesi kelas subjek Bahasa Melayu atau Matematik untuk terlibat dalam kelas pemulihan khas . Kelas pemulihan khas ini adalah lebih fokus dan tidak melibatkan ramai murid. Oleh kerana sistem ini hanya melibatkan pengasingan murid-murid bermasalah dari kelas perdana pada sesi pembelajaran tertentu, ia menggalakkan murid-murid ini untuk sama-sama melalui sesi pembelajaran bersama dengan rakan sekelas lain di kelas perdana. Dengan ini, pemulihan mereka dapat berlaku lebih pantas. Mereka tidak perlu menghadiri kelas pemulihan khas apabila mereka telah pulih (Witriyas & Ali,

2019). Kejayaan sistem ini juga terletak pada kepakaran yang ada pada guru-guru pemulihan khas yang terlatih dan berkemampuan dalam menyelesaikan masalah pembelajaran kemahiran asas yang dihadapi oleh murid-muridnya.

Murid pemulihan khas merujuk kepada murid yang mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif dan kurang yakin yang dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak normal (Masterson, 2022). Murid pemulihan khas ini dikenal pasti mempunyai beberapa ciri yang dipamerkan oleh mereka. Antara ciri-ciri murid pemulihan khas ialah lambat untuk mengecam sebutan dan makna, sering lupa apa yang diajar oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran, ketidakupayaan untuk menyelesaikan tugas yang kompleks dan sangat lambat untuk menyelesaikan tugas yang diberikan, kadang-kadang tugas diberikan tidak dapat diselesaikan dengan segera (Mazida et al., 2023) Selain itu, murid pemulihan khas ini tidak dapat memindahkan apa yang telah mereka pelajari kepada konteks baharu, kesukaran dalam menguasai kemahiran akademik, prestasi rendah dalam kemahiran asas, keupayaan dan pemahaman bahasa yang terhad, minat yang terhad untuk belajar, dan sikap dingin terhadap kejayaan pembelajaran (Rai & Penjor, 2020). Murid pemulihan khas juga tidak mampu dalam memindahkan pengetahuan kepada situasi pembelajaran lain, dan mereka lemah dalam pemikiran abstrak, koordinasi deria dan kebolehan berfikir dalam pendengaran, pengamatan dan pertuturan. Mereka juga tidak dapat menerima konsep baru, kurang keyakinan diri dan mempunyai perhatian yang terhad (Selvarajan, 2022).

Kajian-kajian lepas telah mengenal pasti beberapa punca yang mengakibatkan murid-murid pemulihan khas berasa sukar untuk belajar iaitu faktor peribadi, faktor kurang berminat dan faktor kurang kecerdasan, fizikal, dan psikologi (Fuh et al., 2017). Dalam kajian lain yang dilaksanakan oleh Brennan, (2018), beliau

mendapati bahawa faktor-faktor seperti pertuturan, kesihatan dan mental, pengajaran dan pembelajaran dan fizikal dan deria telah menyebabkan murid-murid pemulihan khas ini lebih terkebelakang dalam pembelajaran berbanding dengan murid-murid biasa. Faktor ini terlalu kompleks dan sukar untuk dikesan dengan pandangan kasar. Ia juga didapati mengakibatkan ketidakhadiran dan keciciran murid-murid di sekolah semakin menjadi-jadi. Untuk menyelesaikan masalah ini, usaha untuk kenal pasti kekurangan yang ada di kalangan murid-murid iaitu tahap penguasaan 3M yang rendah dengan melakukan soal jawab tertutup, penafsiran rekod prestasi, pemerhatian, latihan harian, ujian kertas dan pensel, dan pembangunan profil (Rashidah & Senana, 2016). Dapatan daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan ini dapat memberikan panduan kepada guru-guru untuk menghasilkan pelan dan membuat keputusan untuk melaksanakan kelas pemulihan khas kepada murid-murid mereka atau tidak.

Dalam dunia pendidikan, kemahiran membaca adalah satu bidang yang paling mencabar bagi semua murid. Kemahiran membaca ialah kemahiran yang melibatkan proses koordinasi dan integrasi yang meliputi keupayaan dan kebolehan memahami dan interpretasi idea (Maszuraini & Hamed, 2017). Jie (2020) menyatakan kemahiran membaca telah dipraktikkan oleh murid dan diterapkan dalam kurikulum dalam setiap subjek, namun masih terdapat ramai murid yang menghadapi masalah membaca dengan baik. Menurut Zainiah et al. (2013), seseorang yang dapat menyebut perkataan dalam teks dan memahami maksud teks yang dibaca, mereka dapat menguasai kemahiran membaca dengan betul. Bagi murid pemulihan khas, membaca adalah satu kemahiran yang sering menjadi masalah disebabkan oleh mereka sukar mengeja dan menyebutkan perkataan dengan betul. Pembelajaran bacaan murid pemulihan khas di dalam kelas menggunakan tiga

kaedah yang berbeza iaitu kaedah tradisional, kaedah bahan bantu mengajar tanpa teknologi dan kaedah bahan bantu mengajar dengan teknologi (Chan & Chou, 2022). Kaedah tradisional yang selalu digunakan semasa proses pembelajaran dan pengajaran bacaan murid pemulihan khas ialah menggunakan bahan rujukan seperti buku teks dan guru masih menggunakan papan hitam dan juga kapur. Bagi kaedah bahan bantu mengajar tanpa teknologi, pembelajaran bacaan murid pemulihan khas adalah menggunakan kad imbasan dan lembaran kerja yang telah dicetak oleh guru (Mohd Sobri et al., 2023). Manakala kaedah bahan bantu mengajar dengan teknologi, pembelajaran bacaan murid pemulihan khas dibantu dengan penggunaan CD interaktif dan juga aplikasi *power point*. Secara tidak langsung, pembelajaran abad ke-21 telah diaplikasikan oleh guru semasa proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan dengan berfokuskan kepada pengetahuan pedagogi dan juga pengetahuan teknologi (Asio & Jimenez, 2020).

Konsep kemahiran membaca yang dinyatakan dalam kajian Norlela dan Shamsudin (2020), Celinea (2018), Wan Nurzuliana (2019) dan Zamri Mahamod et al. (2021) membaca memerlukan kemahiran mentafsir yang merangkumi tiga konsep asas membaca iaitu: i) menyebut setiap perkataan dengan sebutan yang betul; ii) mengenalpasti maksud bagi setiap perkataan yang disebut, dan iii) memberi maksud dan memahami teks yang dibaca tersebut. Berdasarkan pada kajian yang dilakukan oleh Lialoura (2021), didapati bahawa terdapat lima faktor yang boleh memberikan pengaruh kepada kemahiran membaca murid-murid pemulihan khas. Pengaruh yang pertama adalah bantuan dan sokongan daripada ibu bapa kepada murid-murid itu sendiri. Ibu bapa sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat membaca murid-murid ini. Ia perlulah dididik dari rumah. Pengaruh yang kedua adalah tahap kecerdasan murid itu sendiri. Murid yang secara semulajadinya

memiliki tahap kecerdasan yang tinggi, biasanya akan mudah untuk membaca dengan lebih baik berbanding dengan rakan-rakan sebayanya. Pengaruh yang ketiga pula ada daya pemahaman dan pendengaran murid itu sendiri. Murid yang memiliki daya pendengaran dan pemahaman yang baik akan mempunyai kemahiran yang baik. Pengaruh yang keempat pula adalah tahap penguasaan bahasa murid itu sendiri. Ini kerana, dengan penguasaan bahasa yang baiklah, maka akan lebih mudahlah untuk murid tersebut berkomunikasi dengan orang lain, sekaligus meningkatkan kemahiran membaca mereka. Murid yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik akan lebih mudah untuk menyatakan perasaan dan fikirannya. Pengaruh yang kelima pula adalah merupakan persekitaran. Persekitaran sememangnya dapat memberikan pengaruh kepada tahap membaca seseorang murid itu. Sebagai contoh, jika sesebuah keluarga itu mengamalkan amalan membaca dalam kehidupan sehari-hari, sudah tentulah murid yang merupakan salah seorang daripada ahli keluarga tersebut akan sama-sama berminat untuk membaca juga. Ini tidak langsung akan membantu dalam meningkatkan kemahiran murid tersebut dalam membaca.

Aktiviti membaca mempunyai lima peringkat yang berbeza sebagaimana yang tercatat dalam kajian yang dilakukan oleh Rosfuzah et al. (2021), Sylvester et al. (2020), Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2021); Eka Dewi Lukmana Sari et al. (2017) dan Mazlan (2016). yang berkaitan dengan murid pemulihan khas iaitu: i) bersedia untuk membaca - untuk peringkat ini, adalah penting untuk seseorang guru itu memberikan galakkan kepada murid-muridnya untuk suka membaca bagi menghargai bahan bacaan yang telah dikenalpasti, ii) pra-bacaan - ia merupakan sebuah persediaan yang perlu dilaksanakan sebelum murid-murid diajar untuk mengenali tulisan dan perkataan, ii) persediaan melalui aktiviti yang dapat meningkatkan ketajaman pendengaran dan penglihatan bagi membantu mencapai

aktiviti membaca yang berjaya, iv) mekanis, peringkat ini adalah peringkat dimana murid-murid sudah mampu untuk menyebutkan suku kata, perkataan, huruf, frasa dan ayat-ayat mudah. Malah, murid-murid sudah boleh membatangkan perkataan yang mempunyai suku kata tertutup dan terbuka dan v) peringkat membaca dan kemudiannya memahami apa yang dibaca. Pada peringkat ini, murid sudah mempunyai kemahiran dan kemampuan mengkonsolidasi maklumat dari bahan bacaannya, dan kemudiannya dia mampu mentafsir maklumat bahan bacaan yang dibacanya dengan baik.

Suku kata didefinisikan sebagai sebuah ujaran yang terbit daripada sebuah perkataan (Sofea Hanim & Rosadah, 2022). Suku kata mempunyai sekurang-kurangnya satu huruf konsonan dan satu huruf vokal. Suku kata terdapat dua jenis iaitu suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Suku kata terbuka adalah suku kata yang diakhiri dengan huruf vokal (a, e, o, u, i) seperti ka, aki, bola dan kereta (Nazilatul, 2023). Suku kata terbuka biasanya mempunyai jumlah abjad yang genap. Suku kata tertutup adalah suku kata yang diakhiri dengan huruf konsonan (contoh b, c, d, f) seperti pokok, ros, jarum dan abang yang biasanya mempunyai jumlah abjad yang ganjil (Anne & Saidatul Nornis, 2021). Kaedah pengajaran suku kata ini selalunya berdasarkan kaedah suku kata. Murid-murid belajar langkah demi langkah, bermula dengan bunyi huruf bersama nama huruf (abjad) dan bentuk huruf. Selepas suku kata diwujudkan, barulah perkataan. Dalam kajian ini, kemahiran membaca suku kata terbuka iaitu perkataan kvkv, kvkvkv dan kvkkv dikaji adalah kerana kemahiran-kemahiran ini merupakan kemahiran awalan yang perlu dikuasai oleh murid-murid pemulihan khas mengikut Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas 2019.

Membaca suku kata terbuka adalah merupakan suatu kemahiran bacaan yang perlu dikuasai oleh murid pada peringkat awal pembelajaran. Kenyataan ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Maszuraini dan Hamed (2017). Maszuraini dan Hamed juga menyatakan dalam kajian mereka bahawa untuk menguasai kemahiran membaca, adalah penting untuk seseorang murid itu menguasai kemahiran suku kata terlebih dahulu. Sesudah selesai menguasai suku kata terbuka, barulah beralih kepada penguasaan suku kata tertutup pula. Kajian yang dijalankan ke atas murid-murid pemulihan khas ini adalah menekankan penguasaan suku kata terbuka yang diakhiri dengan huruf vokal dan mempunyai bilangan abjad yang genap. Alasan suku kata terbuka yang menjadi rujukan kajian ini adalah kerana dipercayai bahawa jika seseorang murid itu mampu menguasai suku kata terbuka, maka ia juga akan dapat menguasai suku kata tertutup dan pada akhirnya ia mampu untuk membaca dengan lancar dan baik. Ini kerana suku kata terbuka tidak memerlukan kemahiran yang sukar untuk menguasainya. Tidak seperti suku kata tertutup yang memerlukan lebih banyak kemahiran untuk menguasainya. Dapatan ini ada dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Naimah et al. (2014). Malah kajian yang dilakukan oleh A. Jailani (2012) mencatatkan bahawa murid-murid lebih banyak melakukan kesilapan dalam suku kata tertutup berbanding dengan suku kata terbuka dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa suku kata tertutup adalah lebih sukar untuk dikuasai berbanding dengan suku kata terbuka.

Perkembangan pendidikan digital hari ini dilihat sebagai fokus utama yang perlu dititikberatkan memandangkan generasi hari ini merupakan generasi natif digital yang telah didedahkan dengan peranti dan teknologi digital pada usia awal (Agárdi & Alt, 2022). Pengalaman dengan menggunakan teknologi dan peranti digital sejak kecil membenarkan generasi ini menguasai kemahiran digital secara

semulajadi seiring dengan pembangunan teknologi dalam negara (Milutinović, 2022). Secara tidak langsung, cara pembelajaran murid-murid di dalam kelas yang diaplikasikan telah berubah kepada teknologi digital. Platform pembelajaran digital ini dapat menyajikan bahan pembelajaran secara talian yang membolehkan murid-murid mengakses bahan secara terus melalui peranti, komputer dan sebagainya. Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi digital menjadikan pembelajaran lebih kreatif, interaktif dan berinovasi sekali gus menarik minat murid pemulihan khas dalam menguasai kemahiran membaca (Janschitz & Penker, 2022). Penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran memberi kesan kepada murid pemulihan khas dengan menjadikan mereka lebih mahir dalam berkongsi maklumat dan berkomunikasi secara dalam talian bagi merangsang mereka untuk menguasai bacaan (David, 2022). Selain itu, murid-murid pemulihan khas juga dapat mengembang kemahiran dan mengejar minat mereka melalui pelbagai sumber pembelajaran dalam talian.

Multimedia interaktif adalah gabungan aplikasi media yang berinteraksi secara aktif dengan penggunanya yang melibatkan elemen video, audio, teks dan gambar (Barut Tugtekin & Dursun, 2022). Penggunaan multimedia interaktif dalam pengajaran diyakini mampu menolong murid-murid pemulihan khas yang mempunyai masalah pembelajaran dengan meningkatkan kefahaman membaca mereka (Sayed Yusoff et al., 2014). Multimedia interaktif telah memberikan anjakan yang besar kepada kaedah pengurusan maklumat dan pelaksanaan sesuatu tugas. Dalam dunia multimedia interaktif, komputer dan telefon pintar adalah instrumen penting yang mampu memudahkan kita untuk berhubung walaupun berada di lokasi yang berbeza-beza. Ia mampu memperbaiki hubungan antara manusia. Ia juga dapat meningkatkan pengetahuan manusia. Perkembangan dalam teknologi multimedia

telah membawa pembaharuan dalam cara pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, cara untuk mendapatkan dan mengumpul informasi dan cara melibatkan informasi tersebut dalam bidang keilmuan. Pendapat ini disokong oleh Suraya dan Aisah (2014). Kajian mereka membuktikan bahawa teknologi multimedia telah memberikan peluang untuk tenaga pengajar menjadi kreatif dengan melaksanakan kaedah pengajaran yang mampu memudahkan akses kepada ilmu dan maklumat yang boleh menyokong sesi pembelajaran murid pemulihan khas.

Teknologi multimedia mampu untuk memudahkan pembelajaran yang berasaskan konstruktivisme (Lin et al., 2013). Ia bermakna, seorang murid boleh mendapat akses kepada maklumat yang dikehendakinya dan boleh mendalami maklumat tersebut melalui video, audio, teks dan gambar, mengikut pada kesesuaian keadaan. Kaedah multimedia dapat menawarkan cara yang paling terbaik untuk murid dalam kuasai pembacaan dengan adanya pengaksesan maklumat melalui audio dan video yang menarik perhatian murid pemulihan khas (Tewari, 2018). Bagi murid yang kurang cekap dalam pembelajaran seperti murid pemulihan khas, teknologi multimedia ini boleh membantu mereka untuk mengulang kaji pelajaran supaya mereka boleh memahami apa yang mereka pelajari dengan lebih baik melalui video, audio, teks dan gambar. Melihat kepada kenyataan ini, penerimaan kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan platform multimedia ini amat bersesuaian dengan murid pemulihan khas. Penerimaan ini memberikan pandangan bahawa multimedia interaktif boleh membawa 'aura' positif dan menarik ketika suasana pembelajaran dan pengajaran bacaan murid pemulihan khas berlangsung. Menurut Sujito et al. (2018), penggunaan multimedia interaktif membuatkan amalan membaca itu menjadi mudah dan tidak membosankan, kerana rujukan pembaca

tidaklah hanya terikat kepada dokumen-dokumen bertulis seperti buku dan surat khabar bagi murid-murid pemulihan khas.

Berdasarkan penggunaan multimedia interaktif dalam sistem pendidikan, persembahan maklumat dapat digayakan dalam pembelajaran di mana murid dapat mengintegrasikan elemen-elemen multimedia semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku (Siti Zulaidah et al., 2018). Persembahan secara interaktif ini boleh menarik perhatian murid-murid pemulihan khas untuk memberikan konsentrasi yang baik kerana ianya adalah persembahan yang berbunyi dan beranimasi. Hal ini mampu meningkatkan keinginan murid-murid ini untuk belajar dan membantu mereka untuk mengingati maklumat yang dipelajari dengan baik, sekaligus membantu mereka untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran. Pembelajaran menggunakan multimedia ini juga sebenarnya memberikan fleksibiliti kepada murid-murid untuk belajar di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa sahaja yang mereka mahu (Wan Fatimah et al., 2013). Mereka juga mempunyai peluang untuk belajar mengikut peringkat dan kemampuan mereka sendiri tanpa perlu terlalu bergantung dengan tenaga pengajar (Nur Fazliyah, 2013).

Sebuah kajian berkaitan dengan penggabungan elemen multimedia interaktif dan simulasi topik yang dikaji, telah dilaksanakan oleh Amir et al. (2018). Keputusan kajian mendapati bahawa murid pemulihan khas akan lebih memahami model simulasi yang dipaparkan apabila lebih banyak elemen multimedia ditambah ke dalamnya. Penggabungan elemen multimedia yang pelbagai adalah amat membantu kerana ia menerapkan banyak media seperti video, audio dan juga teks yang boleh membuatkan murid lebih memahami apa yang disampaikan. Ini kerana ia menjadi galakan kepada murid-murid untuk tetap memberikan konsentrasi dan bersedia untuk belajar sesuatu topik. Kehadiran multimedia interaktif ini telah menambahbaik teknik

pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ia juga telah membantu murid-murid pemulihan khas untuk mendapatkan pantauan daripada guru-gurunya di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa. Ini sekaligus dapat mengeratkan hubungan antara murid dengan gurunya, yang pada akhirnya diyakini dapat meningkatkan prestasi murid itu sendiri. Sebuah kajian oleh Nazirah dan Abdul Rasid (2017) mendapati bahawa dengan adanya multimedia interaktif dalam sesi pembelajaran dan pengajaran akan menggalakkan murid pemulihan khas untuk menggunakan lebih daripada satu deria penting seperti deria pendengaran, deria penglihatan dan deria sentuhan. Penggunaan ketiga-tiga deria ini dapat melahirkan sikap, pengalaman dan pengetahuan yang positif kepada seseorang murid itu.

Bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah dihasilkan melalui kajian ini adalah Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan) yang menggunakan peranti *android smartphone*. MyScore Pemulihan merupakan bahan yang mengandungi pengajaran yang bersesuaian dengan tahap murid-murid pemulihan khas di peringkat sekolah rendah. Pendekatan ini digunakan sebagai bahan bantu mengajar bagi menguasai kemahiran membaca yang bersesuaian dengan persekitaran murid dan menjadikan bahan bantu mengajar ini lebih dekat di hati murid. Seterusnya dengan kaedah bahan bantu mengajar ini, ia dapat memudahkan lagi proses pembelajaran di dalam bilik darjah mahupun di rumah. MyScore Pemulihan dibina bagi memastikan murid dapat mengatasi masalah kemahiran membaca, mempercepatkan penguasaan kemahiran tersebut, selain dapat menanam minat dan motivasi mereka untuk rajin ke sekolah. Prinsip kemahiran membaca yang dipertengahan dalam kajian ini dengan penggunaan MyScore Pemulihan adalah mengeja dan membaca perkataan dan ayat mudah dengan intonasi yang betul dengan melibatkan proses berinteraktif. MyScore Pemulihan ini adalah faktor terpenting

dalam menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, menimbulkan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu dan menentukan kejayaan proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Perbezaan MyScore Pemulihan berbanding dengan penggunaan aplikasi mudah alih yang lain seperti dalam kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Fadlee dan Noor Azean (2014) dan Rafiee dan Hafsa Taha (2020) adalah seperti aktiviti pembelajaran, skop kandungan dan aspek teknikal. Aktiviti pembelajaran dalam MyScore Pemulihan mempunyai tiga aspek iaitu pengajaran, latihan dan ujian yang memberi kesan mendalam minat murid pemulihan khas meneroka multimedia ini seperti penerokaan dalam perisian mesra pengguna. Kandungan dalam MyScore Pemulihan berkesan terhadap penguasaan dan kefahaman murid pemulihan khas seperti pembelajaran dimulakan dengan topik-topik yang mudah terlebih dahulu sebelum beralih kepada topik-topik yang lebih sukar. Isi kandungan ini memenuhi dan mengikut silibus dalam dalam Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas 2019. Aspek teknikal dalam MyScore Pemulihan digunakan berkesan untuk murid memahami keseluruhan multimedia tersebut seperti mudah dikendalikan oleh murid pemulihan khas. Selain itu, proses MyScore Pemulihan perlu dilaksanakan dengan langkah demi langkah iaitu pertama perlu selesaikan pengajaran melalui tajuk kepada tajuk kemudian latihan dan seterusnya ujian. Aktiviti pembelajaran yang digunakan dalam kajian Mohd Fadlee dan Noor Azean (2014) dan Rafiee dan Hafsa Taha (2020) hanya mengandungi latihan sebagai pembelajaran kepada murid-murid. Bagi skop kandungan dalam kajian mereka, topik yang digunakan adalah topik-topik yang terlalu sukar dan tidak mengikut mana-mana silibus pengajaran dan pembelajaran. Aspek teknikal pula

aplikasi mudah alih yang dibina oleh mereka boleh memilih mana-mana topik mengikut pemilihan mereka sendiri.

1.3 Permasalahan Kajian

Program Pemulihan Khas yang telah wujud seawal tahun 60-an lagi telah diperakui penting dalam membantu menyelesaikan masalah murid yang menghadapi masalah penguasaan kemahiran membaca yang baik. Isu utama yang membawa kepada kajian ini dijalankan ialah kesukaran murid pemulihan khas dalam membaca suku kata terbuka kvkv, kvkvkv dan kvkkv semasa mempelajari bahasa Melayu. Bahasa Melayu mempunyai tiga suku kata terbuka iaitu kv, kvk dan kvkk yang wujud dalam bahasa Melayu. Gabungan ketiga-tiga suku kata ini akan membentuk perkataan Melayu yang bermakna. Namun begitu, kebanyakan pelajar sukar untuk mengeja dan menyebut suku kata terbuka kvkv, kvkvkv dan kvkkv. Ini disokong oleh kajian Sofea Hanim dan Rosadah (2022), Syafawani dan Siti Nurdiyana Nabilla (2022), Nur Hatiqah dan Wan Muna Ruzanna (2020) dan Mohamad Rozi (2023) yang menyatakan kebanyakan murid pemulihan khas mendapati perkataan yang mengandungi suku kata terbuka sukar dieja, disebut dan dibaca berbanding suku kata tertutup.

Kurangnya minat murid pemulihan khas dalam kuasai kemahiran membaca dilihat sebagai punca kemerosotan prestasi akademik mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Maulida dan Salina (2018) mencatatkan dalam kajian mereka bahawa kemahiran membaca adalah merupakan sebuah kemahiran penting untuk murid pemulihan khas kerana kemahiran ini digunapakai dalam sesi pembelajaran dan pengajaran di kelas. Fokus utama dalam kemahiran membaca bagi murid pemulihan khas ialah kemahiran membunyikan, menyebut, mengeja dan menulis

perkataan dengan betul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kemahiran bunyi, sebut, eja dan tulis adalah proses dimana murid dapat menguasai kemahiran membaca setelah mereka menggabungkan sesuatu perkataan menjadi ayat mudah. Pendekatan kemahiran tersebut perlu dilatih kepada murid yang terlibat supaya mereka tidak mengambil masa yang lama untuk membaca dengan baik (Syafawani dan Siti Nurdiyana Nabilla, 2022). Dalam masa yang sama, mereka dapat berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya di bilik darjah dengan berkesan.

Kajian ini berpaksikan pada realiti kurangnya penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai bagi mata pelajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid pemulihan khas terutamanya kemahiran membaca perkataan kvkv, kvkvkv dan kvkkv. BBM ini perlulah mengandungi gambaran yang kena dengan perkara yang murid-murid belajar (Che Zanariah & Fadzilah, 2016). BBM seperti kad imbasan dan juga buku yang ada dijual adalah tidak lengkap untuk meningkatkan kemampuan membaca murid-murid pemulihan khas (Fatimah & Khadijah, 2013), namun begitu ia kerap diaplikasikan dalam kelas pemulihan khas (Nor Laila, 2014). Bahan-bahan tersebut adalah sesuai digunakan di kelas aliran perdana disebabkan oleh tahap kemahiran yang dipamerkan terlalu tinggi bagi murid-murid pemulihan khas. Perkara ini menyebabkan murid-murid pemulihan khas tidak berminat untuk belajar sebab ia tidak menarik perhatian mereka di dalam kelas.

Ketidakupayaan untuk mendapatkan kembali kemampuan membaca akan membawa banyak masalah dan impak kepada individu yang terlibat dan Program Pemulihan Khas itu sendiri yang tidak dapat diselesaikan saban tahun. Situasi ini dapat dibuktikan berdasarkan kepada Laporan Tahunan Program Pemulihan Khas PPD Kulim Bandar Baharu 2020 menunjukkan berlakunya peratus penurunan murid tahun 2 dan tahun 3 yang menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam

Ujian Pelepasan pada tahun 2018 hingga 2020. Pada tahun 2018 didapati bahawa 99.20 peratus murid tahun 2 dan 99.30 peratus murid tahun 3 yang menguasai kemahiran membaca tetapi berlaku penurunan sebanyak 0.3 peratus murid bagi tahun 2 dan 0.4 peratus bagi murid tahun 3 yang menguasai kemahiran membaca pada tahun 2019. Pada tahun 2020 pula, berlaku penurunan sebanyak 0.7 peratus bagi murid tahun 2 dan 0.6 peratus murid tahun 3 lagi dan menjadikan peratusan murid tahun 2 dan tahun 3 yang menguasai kemahiran membaca hanyalah sebanyak 98.20 peratus murid tahun 2 dan 98.30 peratus murid bagi murid tahun 3.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), secara keseluruhan pengajaran Bahasa Melayu yang dititikberatkan di dalam kelas adalah tidak sesuai. Ini telah menyebabkan ramai murid tidak menguasai kemahiran membaca dalam masa yang ditentukan. Terdapat pelbagai aspek metodologi yang telah dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan kemahiran membaca bagi murid-murid pemulihan khas, namun masalah ini belum dapat diselesaikan dengan jayanya. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, pendekatan, strategi dan kaedah dan teknik pengajaran secara sistematik secara berulang-ulang perlu diberi tekanan terhadap pembelajaran di dalam bilik darjah bagi mencapai hasil pengajaran yang telah dirancang dengan teliti. Hal ini turut disokong oleh Norlela et al. (2021), Nik Muhammad Ambare dan Faridah (2020) dan Wei et al. (2020) bahawa melalui metodologi yang sesuai diaplikasikan dapat membantu dalam melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran di kelas bagi murid-murid pemulihan khas.

Selain itu, adalah penting untuk menggunakan kaedah pembelajaran dan pengajaran bahasa yang sesuai dalam kelas mengikut kepada tahap kemampuan murid-murid yang terlibat dalam kelas tersebut (Aishah et al., 2019). Masalah untuk

menggunakan atau mengaplikasikan kaedah pembelajaran bahasa yang bersesuaian terjadi sebab sukatan pelajaran yang digunakan telah ketinggalan (Bendak, 2018). Dalam dunia pedagogi, kaedah yang biasa digunakan adalah berkaitan dengan pemberitahuan dan penerangan, tapi ia tidak sesuai untuk murid-murid pemulihan khas. Murid-murid pemulihan khas menghadapi kesukaran untuk memahami dan mengingat maklumat yang diberikan. Walaupun program LINUS (Program Saringan Literasi dan Numerasi) telah dilancarkan, tetapi sampai sekarang tiada kaedah pembelajaran dan pengajaran terbaik untuk murid-murid pemulihan khas yang dapat dikenalpasti lagi (Zaharilah et al., 2016).

Multimedia interaktif untuk mengajar murid-murid pemulihan khas masih kurang diimplementasikan di negara ini. Perisian multimedia interaktif yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan adalah lebih bertepatan untuk murid-murid di kelas biasa. Guru-guru pemulihan khas berpendapat bahawa perisian sedia ada sukar untuk diterima (Abdul Rasid et al., 2016). Ini kerana, perisian tersebut mempunyai aras pembelajaran yang sangat tinggi dan ia menyukarkan murid-murid pemulihan khas untuk menyerap ilmu pengetahuan yang cuba diberikan. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji dan menilai kesan yang boleh didapati daripada penggunaan multimedia interaktif dalam kalangan murid-murid pemulihan khas terutamanya dalam memperbaiki kemahiran membaca mereka.

1.4 Objektif Kajian

Sebanyak lima objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengetahui keperluan membangunkan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan).

- ii. Mereka bentuk dan membangunkan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan).
- iii. Mengenal pasti keberkesanan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan) terhadap kemahiran membaca kvkv, kvkvkv dan kvkkv murid pemulihan khas.
- iv. Mengenal pasti minat murid-murid pemulihan khas terhadap penggunaan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan).
- v. Mengenal pasti penerimaan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan) dalam kalangan guru-guru pemulihan khas.

1.5 Soalan Kajian

Sebanyak tujuh soalan telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Adakah wujud keperluan untuk membangunkan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan)?
- ii. Bagaimanakah reka bentuk Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan)?
- iii. Adakah terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra?
- iv. Adakah terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkvkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra?
- v. Adakah terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra?
- vi. Adakah murid-murid pemulihan khas berminat terhadap penggunaan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan).

- vii. Bagaimanakah penerimaan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan) dalam kalangan guru-guru pemulihan khas?

1.6 Hipotesis Kajian

Persoalan-persoalan kajian di atas telah membawa kepada penetapan hipotesis-hipotesis seperti berikut:

Ho₁ Tidak terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra.

Ho₂ Tidak terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkvkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra.

Ho₃ Tidak terdapat peningkatan kemahiran membaca kvkkv murid pemulihan khas antara ujian pos dan ujian pra.

1.7 Kepentingan Kajian

Penggunaan multimedia sebagai medium pembelajaran dan pengajaran dalam kelas adalah sangat penting. Maka kajian ini penting kepada pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, guru pemulihan khas, murid pemulihan khas dan bidang ilmu. Kepentingan ini memberi manfaat kepada pihak tersebut dalam memberi perancangan yang terbaik kepada semua.

Pertama, hasil kajian ini memberi faedah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya mereka dapat membuat perancangan dan pengubahsuaian mengenai kurikulum yang sedia ada bagi Program Pemulihan Khas. Tanpa pengubahsuaian kurikulum, murid-murid pemulihan khas terpaksa menerima kandungan pembelajaran yang sama dengan murid-murid di kelas biasa. Murid-

murid pemulihan khas ini perlukan silibus yang diubah bagi memudahkan mereka untuk mengingati apa yang mereka pelajari, selain memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyokong sesi pembelajaran mereka. KPM perlu memberi sokongan dan memantau guru-guru untuk memenuhi standard kurikulum pembelajaran Bahasa Melayu. Pihak KPM juga boleh memberikan galakkan kepada sekolah-sekolah untuk menggunakan multimedia sebagai instrumen alternatif di dalam kelas untuk murid-murid pemulihan khas. Multimedia ini juga sesuai digunakan pada pembelajaran arus perdana untuk tahap 1 kerana isi kandungannya sesuai untuk diikuti oleh mereka dengan berkesan. Seterusnya, pemantauan penggunaan multimedia interaktif oleh pihak KPM adalah diperlukan bagi meningkatkan keefisienan teknologi ini.

Kedua, hasil kajian ini boleh memberikan gambaran dan input kepada guru pemulihan khas untuk mencipta kepelbagaian pendekatan dan kaedah dalam mengajar murid-murid pemulihan khas di dalam kelas Bahasa Melayu. Minat murid-murid pemulihan khas untuk belajar boleh meningkat apabila kaedah yang digunakan adalah tepat. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang dibina sendiri oleh guru pemulihan khas di dalam kelas menjadikan pengajaran lebih berkesan dan menarik. Multimedia interaktif sebagai BBM diyakini boleh memberikan nafas baru kepada kaedah pengajaran yang konvensional seperti papan hitam dan buku teks (Nur Rahmah et al., 2017). Adalah penting untuk guru pemulihan khas sentiasa peka dengan kesukaran yang dihadapi oleh muridnya dalam menguasai sesuatu kemahiran. Ini adalah demi memastikan murid tersebut tidak ketinggalan berbanding dengan rakan-rakannya yang lain. Di samping itu, guru pemulihan khas juga perlu meningkatkan pengetahuan mereka dalam pembinaan BBM yang lebih kreatif dan berinovasi dalam pengajaran. Penggunaan multimedia interaktif ini membolehkan

guru pemulihan khas mengajar murid-murid mereka dengan baik melalui pengubahsuaian kandungan untuk menepati kemampuan murid-muridnya.

Selain itu, kajian ini dapat memberi peluang kepada murid pemulihan khas dalam menerokai pembelajaran dengan menggunakan multimedia interaktif yang dibangunkan. Secara tidak langsung dapat memberi manfaat daripada penghasilan bahan multimedia yang telah dibina mengikut kemampuan murid. Kajian ini mempunyai objektif untuk memudahkan murid-murid pemulihan khas menguasai kemahiran membaca, selain meningkatkan kefahaman mereka tentang subjek Bahasa Melayu melalui pendekatan, teknik dan metodologi yang menyeronokkan. Input dari kajian ini dapat menggalakkan pengubahsuaian yang lebih baik dan bersesuaian untuk Program Pemulihan Khas supaya ia lebih mudah untuk diakses oleh murid-murid pemulihan khas. Situasi ini adalah bagi mengatasi kekurangan yang wujud pada murid-murid pemulihan khas ketika di dalam kelas, dimana mereka terpaksa belajar dengan menggunakan BBM yang tidak bersesuaian dengan tahap pemahaman mereka. Penambahbaikan pada sukatan pelajaran yang sedia ada memudahkan murid-murid pemulihan khas untuk menerima dan memproses maklumat dan juga meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran.

Akhir sekali, bidang ilmu juga penting dalam kajian ini kerana ia adalah merupakan sesuatu yang diperlukan dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid pemulihan khas dalam pembelajaran mereka. Di negara ini, masalah yang berkaitan dengan murid-murid pemulihan khas seperti masalah kemahiran membaca agak kurang dilaksanakan dan menyebabkan kurang bahan bacaan mengenai permasalahan, jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain yang berkaitan dengan masalah pembelajaran. Realistik dengan situasi tersebut, maka kajian ini telah dibangunkan bagi membangkitkan isu yang dihadapi oleh murid-murid

pemulihan khas iaitu kesukaran membaca dengan baik, selain mengkaji metodologi terbaik untuk mengatasi masalah ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan input berguna kepada pengkaji-pengkaji lain yang mana ia boleh dijadikan asas kepada kajian-kajian mereka pada masa akan datang dalam topik yang sama. Kajian ini merancakkan lagi dengan penghasilan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan golongan ini, selain mengutarakan masalah ketidaklancaran membaca yang sering berlaku pada mereka. Ia sedikit sebanyak membuka mata ramai pihak untuk memberikan perhatian khusus kepada permasalahan ini, selain memberikan maklumat dan idea bagi penyelidikan-penyelidikan akan datang.

1.8 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian ini juga mempunyai batasan. Antara batasan-batasan kajian yang dapat dikenal pasti bagi kajian ini adalah subjek, masa, lokasi dan kandungan kajian. Seramai tiga puluh individu dijadikan sampel kajian. Individu-individu ini adalah murid-murid sekolah rendah terlibat dalam kelas pemulihan khas. Pengkaji telah menetapkan kriteria pemilihan subjek kajian adalah berdasarkan kepada keupayaan membaca mereka. Dalam kajian ini, murid yang tidak menguasai bacaan sahaja ditetapkan sebagai subjek kajian. Penentuan kesesuaian calon untuk kajian ini bergantung kepada keputusan Ujian Pelepasan dimana calon tidak menguasai Konstruk 1 hingga Konstruk 3 dipilih. Konstruk 1 adalah merujuk kepada kemampuan menyebut konsonan dan vokal. Konstruk 2 pula merujuk kepada kemampuan menyebut dan menulis suku kata terbuka. Akhir sekali, konstruk 3 merujuk kepada kemampuan menyebut dan menulis perkataan suku kata terbuka.